

# KUALITI

JULAI - DISEMBER 2025

## AUDIT PENSIJILAN SEMULA ISO 9001:2015

Skop Audit: Pengurusan Korporat Universiti Awam

## MAJLIS KEMUNCAK BULAN INOVASI DAN KUALITI 2025

Ledakan Kreativiti

## 1<sup>ST</sup> VIRTUAL INTERNATIONAL CONFERENCE ON QUALITY AND INNOVATION IN HIGHER EDUCATION (ViQHE)

*Enhancing Quality and Innovation for a  
Sustainable Higher Education Ecosystem*



eISSN 2976-2596



9772976259003

INSTITUT KUALITI DAN PENGEMBANGAN ILMU (InQKA)

# KEJOHANAN BOLING PIALA PNC



Disediakan oleh: Fateen Ilani Kamarudin

Pada 11 Julai yang lalu, InQKA telah menganjurkan Kejohanan Piala PNC buat julung kalinya yang berlangsung di Wangsa Bowl, Setia City Mall, Setia Alam. Kejohanan ini diadakan bagi menggalakkan penyertaan aktif dalam kalangan staf serta meningkatkan kesedaran dan minat terhadap aktiviti sukan dan riadah.

Program ini turut menjadi medium untuk menyatukan warga InQKA dari pelbagai unit, sekali gus memupuk semangat kesukanan, mencungkil bakat terpendam serta mewujudkan suasana harmoni dan muhibah melalui interaksi dan sokongan sepanjang kejohanan berlangsung.

Sebanyak 10 kumpulan telah dibahagikan secara gabungan melibatkan staf dari seluruh unit. Lebih membanggakan, setiap pasukan telah menunjukkan semangat berpasukan dan daya saing yang tinggi. Di akhir perlawanan, Kumpulan 8 yang dianggotai oleh Encik Izwan Said, Puan Syatila Zakaria dan Prof. Madya Dr. Sheila telah dinobatkan sebagai johan. Naib juara pula dimenangi oleh Kumpulan 1 yang terdiri daripada Puan Mariani Ali, Ts. Linda Abd. Hamid dan Prof. Madya Dr. Wan Hartini Wan Zainodin. Manakala tempat ketiga disandang oleh pasukan yang dianggotai oleh Encik Mohamad Shafiq Mustapa, Dr. Shatina Saad dan Prof. Madya Dr. Hadijah Iberahim. Lebih memeriahkan suasana, anugerah pemain terbaik lelaki telah dirangkul oleh Prof. Madya Ts. Ing- Dr. Shahrul Azam Abdullah, manakala pemain terbaik wanita dimenangi oleh Puan Norakmar Syatila Zakaria dengan penuh gaya.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Penolong Naib Canselor InQKA, Prof. Dr. Haslinda Yusoff. Diharapkan aktiviti seumpama ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang demi menggalakkan gaya hidup sihat, merapatkan hubungan sesama warga kerja, dan membudayakan semangat kesukanan dalam kalangan staf InQKA.



## HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

# 2026 KUALITI

### ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),  
Aras 5, Blok A, Kompleks Al-Farabi,  
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,  
40450, Shah Alam, Selangor

e-ISSN: 2976-2596



UiTM *di hati*  لومها تقوى موليا